

# kerjaya

## Kerjaya doktor veterinar kian mencabar

➔ Cabaran utama berdepan haiwan tidak boleh mengadu sakit

Oleh Nor Azma Laila  
norazma@bh.com.my

► Serdang

Bagi individu yang memilih kerjaya sebagai doktor veterinar, mereka bukan sahaja bertanggungjawab merawat haiwan kesayangan seperti kucing, anjing atau burung tetapi turut menjalankan pelbagai lagi prosedur perubatan lain yang sama pentingnya dengan sumbangan doktor yang merawat manusia.

Seorang doktor veterinar turut membuat khidmat pengimejan dan diagnosis makmal, endoskopi, sonografi, pembedahan jantung dan rawatan kanser berdasarkan kepada kes yang dikendalikan tidak kiralah membabitkan haiwan kesayangan, haiwan besar, avian, eksotik, akuatik atau hidupan liar.

Doktor veterinar di Hospital Veterinar Universiti (UVH), Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Puteri Azaziah Megat Abdul Rani, berkata bidang tugas golongan profesional itu semakin meluas sejajar dengan perkembangan keperluan masyarakat pada hari ini, termasuklah membabitkan keselamatan makanan dan meningkatkan kesedaran mengenai penyakit zoonotik atau penyakit bawaan haiwan.

Katanya, antara cabaran yang dihadapi oleh doktor veterinar ialah memberi dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai penyakit bawaan haiwan seperti kencing tikus dan wabak rabies atau anjing gila supaya ia tidak menular sekali gus mendatangkan mudarat kepada komuniti setempat.

“Ramai yang tidak sedar bahawa haiwan kesayangan atau ternakan mereka mempunyai risiko membawa penyakit berkenaan. Oleh itu, doktor veterinar



Dr Puteri Azaziah

### info

#### Ciri-ciri diperlukan doktor veterinar

➔ **Pelajar** yang berminat terhadap haiwan dan sains perubatan juga mungkin boleh mempertimbangkan untuk bergelar seorang veterinar atau doktor haiwan

➔ **Pegawai** veterinar juga bertanggungjawab memberi nasihat kepada pemilik haiwan peliharaan mengenai cara pemakanan dan penjagaan yang betul

➔ Seorang veterinar diperlukan untuk melakukan prosedur perubatan ke atas haiwan termasuk suntikan vaksin, mendiagnosis penyakit, merawat kecederaan, menentukan jenis ubat untuk haiwan, memberi ubat pelali dan menjalankan pembedahan ke atas haiwan berkenaan

➔ **Ada** juga pegawai veterinar yang menggunakan kemahiran mereka untuk melindungi manusia daripada penyakit bawaan haiwan dan mengendalikan kajian klinikal terhadap kesihatan manusia dan haiwan secara global

dengan kerjasama agensi lain, termasuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Kementerian Kesihatan bertanggungjawab memberi maklumat, khidmat nasihat dan cadangan langkah keselamatan yang boleh diambil sekiranya berlaku penularan wabak.

“Selain itu, aspek keselamatan makanan terutama membabitkan haiwan seperti lembu, ayam serta hasil tenusu turut dinilai kualiti dan tahap keselamatannya oleh doktor atau pegawai veterinar dengan kerjasama agensi seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) bagi memastikan makanan yang diimport untuk pasaran Malaysia bebas daripada sebarang penyakit bawaan haiwan atau pencemaran wabak dan selamat dimakan,” katanya ketika ditemui *BH Varsiti*, baru-baru ini.

#### Cabaran tersendiri

Lulusan di bidang ini juga boleh mendapatkan pekerjaan di ladang dan industri ternakan serta pengeluaran makanan, klinik haiwan, agensi kerajaan, zoo, makmal haiwan, pensyarah di universiti dan membuka klinik haiwan sendiri.

Bagi pelajar yang berminat, universiti awam yang menawarkan kursus yang melayakkan mereka bergelar doktor perubatan veterinar adalah UPM dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Dr Puteri Azaziah yang juga Pensyarah Kanan (Perubatan Haiwan Kesayangan), Fakulti Perubatan Veterinar UPM, berkata bagi doktor veterinar yang bertugas di UVH, mereka bertanggungjawab untuk lima unit iaitu bahagian pesakit luar, perubatan (wad), unit rawatan rapi (ICU), pengimejan diagnostik dan pem-



Kucing adalah haiwan kesayangan yang sering mendapatkan rawatan di klinik haiwan.



Dr Puteri Azaziah menjalankan prosedur endoskopi terhadap pesakit.N

bedahan.

“Kebiasaannya waktu bekerja bermula pada jam 8.30 pagi dan berakhir pada 7 petang untuk pesakit luar manakala bagi doktor yang bertugas di wad, mereka akan mengendalikan pesakit yang diwadkan bermula seawal jam tujuh pagi dan mungkin berakhir pada jam 10 atau 11 malam.

“Waktu kerja sebagai doktor veterinar mungkin tidak kelihatan sibuk sebagaimana doktor yang merawat manusia tetapi tetap mempunyai cabaran tersendiri apabila berdepan dengan pesakit yang tidak boleh bercakap (haiwan) sebaliknya semua maklumat perlu diperoleh daripada penjaga mereka sekali gus menuntut doktor untuk lebih peka ketika membuat pemeriksaan fizikal terhadap pesakit untuk

mengenali punca penyakit,” katanya.

Beliau yang berpengalaman selama 12 tahun dalam bidang veterinar berkata, lebih banyak kes yang dikendalikan akan membantu seseorang doktor untuk mendapatkan lebih pengalaman atau kemahiran apabila merawat pesakit terutama membabitkan haiwan yang jarang mendapat rawatan di hospital seperti haiwan eksotik atau akuatik.

#### Pemeriksaan rapi

“Bagi haiwan kesayangan seperti anjing dan kucing, kita sudah biasa berdepan dengan penyakit yang mereka alami malah banyak kajian dibuat membabitkan haiwan ini tetapi bagi haiwan eksotik atau akuatik, tidak banyak kes dikendalikan menyebabkan doktor perlu membuat peme-

riksaan dengan lebih teliti serta mendapatkan maklumat jelas daripada penjaga.

“Ada penjaga yang tahu segalanya mengenai haiwan peliharaan atau ternakan mereka tetapi tidak kurang juga yang hanya tahu memberi makan tanpa mengambil kira aspek lain menyebabkan proses mendapatkan maklumat itu agak sukar.

“Namun begitu, melalui pengalaman, kes dapat dikendalikan dengan baik dan pesakit akan dimasukkan ke wad untuk pemantauan lanjut,” katanya.

Sebagaimana doktor yang merawat manusia, doktor veterinar juga mempunyai perakuan amalan tahunan yang dikeluarkan Majlis Veterinar Malaysia (MVC) yang perlu diperbaharui setiap tahun dan memenuhi keperluan markah yang ditetapkan oleh majlis.